

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUP OLAHRAGA  
KEJOHANAN SUKAN OLAHRAGA TERTUTUP UniMAP**

**Teks Ucapan**

***Y.Bhg. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN***

**Naib Canselor**

**Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)**

merangkap

**Penaung**

**Kejohanan Sukan Olahraga Tertutup UniMAP**

pada 20 Januari 2008, di Stadium UiTM cawangan Arau,  
Perlis.

Bismillah Hirrahan Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan  
Salam Sejahtera.

Mengadap Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin  
Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda  
Perlis, Tuanku Canselor UniMAP dan Duli Yang Teramat  
Mulia Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Raja  
Puan Muda Perlis.

Ampun Tuanku, Sembah Patik Mohon Diampun,

Terlebih dahulu, patik bagi seluruh warga Universiti Malaysia  
Perlis (UniMAP) merafak sembah, menjunjung kasih yang  
tidak terhingga, atas perkenan Duli Tuanku berdua bercemar  
duli berangkat ke **Majlis Perasmian Penutup Kejohanan**

**Sukan Olahraga Tertutup UniMAP** di Stadium UiTM cawangan Arau ini. Sesungguhnya kehadiran Duli Tuanku pada malam ini amat besar ertinya buat kami semua di universiti ini.

Ampun Tuanku,

Izini patik menyampaikan ucapan kepada barisan tetamu yang hadir.

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff, Timbalan Naib Canselor UniMAP (Akademik Dan Antarabangsa),

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor UniMAP (Penyelidikan Dan Inovasi),

Pegawai-Pegawai Utama Universiti

Dekan - Dekan Dan Ketua-Ketua Jabatan UniMAP

Ketua-Ketua Jabatan

Wakil-Wakil Media, para atlet seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian

Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama bersyukur kehadiran Allah Subhanahuwataala kerana hanya dengan limpah kurnia dan inayah-Nya kita dapat bersama-sama pada malam ini dalam Majlis Perasmian Penutup Kejohanan Sukan Olahraga Tertutup UniMAP bagi tahun 2008 ini. Marilah kita bersama-sama juga berdoa agar Allah Subhanahuwataala memberkati usaha kita ini dan melindungi kita semua daripada apa jua kesulitan dan kekurangan.

Para hadirin sekalian,

Kemenangan memanglah penting dalam setiap pertandingan. Tetapi, yang lebih penting ialah mengambil bahagian, mengutamakan semangat kesukanan, dan matlamat bersukan itu sendiri iaitu untuk mencari kesihatan fizikal dan kesejahteraan diri. Saya bagi pihak jawatankuasa amat berharap agar kita semua dapat menemui, merasai dan mengecapi matlamat yang dicari serta semangat persaudaraan di antara satu sama lain.

Para hadirin sekalian,

Sepanjang 2 hari ini, kita telah berkampung di Stadium UiTM Cawangan Arau dan menyaksikan banyak acara olahraga yang dilangsungkan. Kelihatannya kejohanan ini seperti tiada bezanya dengan kejohanan-kejohanan lain di peringkat

kebangsaan. Tetapi bagi saya kejohanan olahraga yang dipertandingkan sepanjang hari ini, ada keunikannya yang tersendiri. Pada hari ini, kita dapat membuktikan bahawa walaupun UniMAP sebuah universiti yang berfokuskan dalam bidang kejuruteraan tetapi kita juga hebat dalam acara sukan amnya dan acara olahraga khususnya.

Jika diimbaz pencapaian sukan UniMAP sepanjang tahun 2007, saya secara ikhlasnya berasa sangat gembira dan bangga. Hal ini kerana, pada Jun 2007 yang lepas, UniMAP telah diberi penghormatan apabila berpeluang menjadi tuan rumah bagi Kejohanan Sukan Staf IPTA ke – 32 dan berjaya membuktikan UniMAP mempunyai atlit yang berpotensi dalam bidang sukan sehingga membolehkan kita berada di kedudukan yang ke 2 secara keseluruhannya dengan pungutan pingat sebanyak 39 pingat. Satu pencapaian yang amat membanggakan.

Kejayaan kita tidak terhenti di situ sahaja, pada akhir November yang lalu, kontijen UniMAP sekali lagi mengharumkan nama universiti apabila kita muncul tempat ketiga dalam keseluruhan acara dan acara olahraga yang disertai dalam Kejohanan Sukan Badan Berkanun yang diadakan bermula 30 November hingga 8 Disember di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

UniMAP telah mengutip 7 pingat emas, 6 perak dan 4 gangsa yang menjadikan jumlahnya sebanyak 17 pingat dalam keseluruhan acara sukan. Manakala 6 pingat emas, 4 perak dan 2 gangsa dikutip dalam acara olahraga. Pungutan pingat bagi acara olahraga dan acara sukan agak seimbang. Saya pasti UniMAP mempunyai ramai atlet yang berkebolehan dalam acara olahraga. Untuk pengetahuan semua, antara acara olahraga yang menyumbangkan pingat ialah melalui acara Merejam Lembing, Lempar Cakera, Lontar Peluru, 4X400meter, lompat jauh dan sebagainya. Semua kejayaan yang terukir itu, merupakan memori indah yang kekal terpahat dalam ingatan saya.

Para atlit kejohanan sekalian.

Marilah kita sama-sama bersepakat untuk meningkatkan kualiti kejohanan ini. Marilah kita sama-sama komited untuk memecahkan sebanyak mungkin rekod kejohanan; mempamer disiplin individu dan kontinjen ke tahap yang maksimum; mengeratkan hubungan silaturrahim ke tahap optimum; memberikan kerjasama yang terbaik kepada semua pegawai kejohanan dan pengadil, sementara pegawai kejohanan pula memberikan perkhidmatan yang efisien dan berkesan dan pengadil mengadili secara saksama dan profesional. Jika kerjasama dalam semua aspek yang disebut

ini dapat dipertingkat, tidak syak lagi kejohanan milik kita bersama ini akan menjadi yang terbaik.

Saya juga berharap agar semangat bersaing seumpama ini dapat dikekalkan sepanjang masa, bukan sahaja di gelanggang sukan tetapi turut dipamer di gelanggang-gelanggang akademik, penyelidikan dan di bilik-bilik bekerja kita. Saya yakin jika semangat yang sama dapat sentiasa dikekalkan, institusi kita akan dapat menjadi institusi yang berdaya saing dalam pelbagai bidang di peringkat lokal dan global.

Ampuan tuanku,

Sekian sahaja ucapan patik. Akhir kata, patik sekali lagi mewakili anggota jawatankuasa penganjur dan seluruh warga UniMAP ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga kepada ke bawah Duli Tuanku berdua kerana sudi bercemar Duli berangkat ke Majlis Perasmian Penutup Kejohanan Olahraga Tertutup UniMAP 2008.

Patik sudahi dengan Wabillahi Taufik Walhidayah,  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.